

**“KE ARAH MENJADIKAN MALAYSIA BEBAS AMALAN MEROKOK”**  
 (11 JANUARI 2019 / 5 JAMADIL AWAL 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي مَنَّ عَلَيْنَا بِالْعَافِيَةِ، وَفَضَّلَنَا عَلَى سَائِرِ الْمَخْلُوقَاتِ بِالْأَفِيدَةِ، أَعْطَانَا  
 الْمَالَ وَالْجَمَالَ، وَأَمَرَنَا بِشُكْرِهِ بِالْأَقْوَالِ وَالْأَفْعَالِ.  
 وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، أَوْلَانَا نِعْمًا وَخَيْرَاتٍ، وَتَفَضَّلَ بِالْعَطَاءِ  
 وَالْبَرَكَاتِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَصَفِيُّهُ وَخَلِيلُهُ، بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى  
 الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ حَتَّى آتَاهُ الْيَقِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
 وَبَارِكْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ،  
 وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan sidang Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah ﷻ dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan itu, kita beroleh keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah ﷻ di dunia dan di akhirat. Khatib ingin menarik perhatian sidang Jumaat untuk menekuni khutbah pada hari ini yang membicarakan berkenaan “**Ke Arah Menjadikan Malaysia Bebas Amalan Merokok**” seiring dengan usaha kerajaan untuk membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia seterusnya mewujudkan persekitaran hidup yang bersih dan sihat.

## SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Kerajaan pada hari ini telah mengetengahkan kerangka **Maqasid Syariah** yang **bertujuan** melindungi, menyubur dan memantapkan prinsip serta nilai Islam demi mencapai kepentingan dalam kehidupan, menjamin kemaslahatan, menyekat kemudharatan dan menolak kerosakan. Maqasid Syariah bermaksud tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Islam berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah menjadi asas bagi **memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan**. Kepentingan Maqasid Syariah telah dijelaskan oleh al-Quran dengan jelas sebagai pemelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat dan menghindar kemudharatan sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 185:

﴿ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ﴾

**Maksudnya:** “Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”

Dalam kerangka maqasid ini, ia menolak sebarang bentuk unsur dan perbuatan negatif yang boleh memberi kesan buruk dan membawa kemudharatan kepada kesejahteraan hidup individu, masyarakat dan negara. Antara perbuatan negatif tersebut ialah tabiat merokok yang sudah terbukti memberi kesan buruk kepada kesihatan diri dengan lahirnya pelbagai penyakit seperti barah otak, barah paru-paru, sesak nafas dan sebagainya. Asap rokok juga mencemarkan udara sekeliling dan meninggalkan kesan mudarat kepada golongan bukan perokok termasuk kanak-kanak, ibu hamil dan warga emas. Selain itu, tabiat merokok merupakan satu amalan pembaziran yang jelas dilarang oleh agama kerana perbelanjaan yang tidak mendatangkan sebarang faedah.

Justeru, sebahagian besar ulama’ muktabar dahulu dan sekarang serta agensi berkaitan fatwa telah mengeluarkan fatwa pengharaman merokok berdasarkan dalil syar’i serta bukti perubatan yang saintifik menunjukkan merokok adalah punca kepada pelbagai jenis penyakit yang boleh menyebabkan maut dan termasuk dalam perbuatan yang dibenci oleh Allah ﷻ. Hal ini

adalah berdasarkan hakikat iaitu apa jua yang boleh membawa kepada kerosakan diri dan harta serta masyarakat dianggap maksiat dan dilarang dalam Islam.

Al-Imam al-Akhbar Mahmud Syaltut, Syeikh al-Azhar Mesir telah menjelaskan mengenai bahaya merokok terhadap kesihatan dan harta dengan berkata: *“Walaupun menghisap tembakau itu tidak memabukkan dan tidak merosakkan akal, namun wujud pelbagai kesan yang membahayakan kepada kesihatan perokok itu sendiri dan juga terhadap orang lain yang tidak merokok.”* Syeikh Abdullah Aba Batein (أَبَا بَطِين) memfatwakan: *“Kami mengharamkan rokok dengan dua sebab utama iaitu: Boleh memabukkan apabila dihisap atau boleh mengkhayalkan dan Tembakau dikategorikan oleh syarak sebagai “benda keji, benda kotor dan boleh membinasakan.”* Manakala Syeikh Muhammad bin Shalih al-‘Uthaimin pula menjelaskan: *“Merokok adalah haram hukumnya berdasarkan makna yang terdapat daripada zahir ayat al-Quran dan al-Sunnah serta iktibar yang benar.”*

Dengan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang kali ke 37 pada **23 Mac 1995** telah memutuskan ***“Merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan”***. Muzakarah Khas pada **17 Julai 2013** pula bersetuju memutuskan bahawa ***“shisha adalah haram”*** dan pada **21 Disember 2015**, Muzakarah yang diadakan juga telah memutuskan ***“penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram”***. Pengharaman merokok dibuat berdasarkan tiga sebab utama iaitu merokok membahayakan kesihatan kepada pengguna, mendatangkan kemudaratan kepada orang sekeliling serta alam sekitar, dan perbuatan tersebut menjurus kepada pembaziran wang juga masa dan tenaga serta membawa kerugian kepada pengguna yang menggunakannya. Ini selaras dengan firman Allah ﷻ dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

﴿وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ﴾

**Bermaksud:** “*dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*”

Dan firman-Nya menerusi surah al-A’raf ayat 157:

﴿وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ﴾

**Bermaksud:** “*dan ia (Allah) menghalalkan bagi mereka yang baik-baik, dan mengharamkan yang buruk.*”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Apa yang membimbangkan, terdapat segelintir masyarakat kita yang bersikap sambil lewa terhadap tabiat merokok sekalipun menyedari ianya membawa kesan mudarat dan dilarang oleh agama. Kajian menunjukkan seseorang yang merokok itu hanya menyedut sebanyak 30% daripada asap rokoknya, sedangkan 70% daripada bakinya meresap ke udara. Lebihan asap ini mengancam hak orang lain yang lebih ramai iaitu golongan bukan perokok dengan udara yang tercemar kesan daripada asap rokok. Oleh itu, Islam melarang umatnya melakukan sesuatu yang memudaratkan diri dan orang lain. Sabda Rasulullah ﷺ seperti diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

"المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ"

**Mafuhmnya:** “*Seseorang muslim itu ialah yang menyelamatkan kaum muslimin melalui lidah (bicara) dan tangannya (kuasa dan perlakuan).*”

Justeru, ke arah menjadikan Malaysia bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok, maka kerajaan telah membuat pengisytiharan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok bermula 1 Januari 2019, di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018. Usaha ini jelas sekali bertujuan untuk melindungi orang awam terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutama di kawasan tumpuan orang awam.

Dengan itu, mimbar menyokong sepenuhnya usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan berkaitan pengisytiharan larangan merokok di tempat makan. Mimbar mengajak seluruh rakyat Malaysia dan setiap individu yang berada di negara ini, agar memberi kerjasama dan komitmen dengan berperanan yang sewajarnya bagi memastikan peraturan ini dipatuhi. Dalam masa yang sama, mimbar juga mengajak golongan perokok agar berazam dan berusaha untuk menghentikan terus tabiat merokok melalui pelbagai kaedah yang telah sedia dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita semua tidak harus mencemuh dan membiarkan sahaja golongan ini, namun kita sentiasa perlu memujuk dan menasihati mereka agar melatih jiwa untuk menolak sepenuhnya tabiat merokok.

#### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai kesimpulan bagi mengakhiri khutbah hari ini, mimbar menyeru sidang Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama memastikan persekitaran kita bersih daripada ancaman asap rokok melalui kempen membudayakan tabiat tidak merokok sebagai amalan cara hidup yang sihat. Firman Allah ﷻ melalui surah al-Jathiyah ayat 18:

﴿ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ﴾

**Maksudnya:** “Kemudian Kami jadikan kamu menjalankan Syariat dari hukum agama; maka turutlah ia, dan janganlah diturut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ سَيِّدَ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى  
أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا  
وَأَمْرًا :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا ﴾

“*Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.*”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا  
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ بْنَ  
أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ  
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينَ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا  
 بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى  
 مَلِكِنَا، دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سُلْطَانِ نَزْرِينَ مِعْزُ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ أَزَلَنْ  
 مُحِبِّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ، تَيْمَبَالَنْ يَغِ دَفْرَتَوَانَ اَكْوَعِ، وَكَذَلِكَ دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا  
 رَاجِ فَرْمَايسُورِي فَيْرِقِ دَارِ الرِّضْوَانِ تَوَانِكُو زَارَا سَالِيمِ.

اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
 الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَحِيَّةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.  
 اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ  
 رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ ﷺ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ  
 الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا  
 فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ  
 صُفُوفَهُمْ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

*Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,*

*Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.*

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾

﴿رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَابْغَىٰ يَعْظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.